

Ulasan Buku

Judul : Education And Cultural Diversity
Penulis : Edward Hulmes
Penerbit : Longman London and New York, 1989
Jumlah Halaman : 183

Buku ini ditulis untuk memberi kefahaman kepada kaum guru tentang implikasi pendidikan ke atas fenomena pelbagai budaya. Dalam konteks masyarakat Britain kepelbagaian masyarakat dan budaya bukanlah sesuatu yang baru kerana sejarah awalnya telah menyaksikan kehadiran bangsa Celts, Angals, Saxons, Scandinavian, Norman di Britain. Kemudian datang pula bangsa Yahudi, Huguenot dan kelompok-kelompok lain dari Eropah, Asia dan Afrika. Yang terbaru, negara Britain menerima kedatangan pendatang dari India, Pakistan dan Asia Timur dan juga dari Afrika Barat dan Hindia Barat yang akhirnya mewarnai masyarakat Britain hari ini dengan istilah "cultural diversity". Ia juga memperlihatkan ragam warna kulit, pertuturan, pakaian, makanan, musik dan yang paling menonjol ialah sistem kepercayaan. Ia sekaligus memperlihatkan juga lanskap pelbagai rupa bangunan rumah ibadah seperti gereja, sinagog, masjid, vihara, ashram, gudwara dan lain-lain (halaman 11)

Kalau sebelum ini Britain melaksanakan sistem pendidikan *non-confessional* untuk menghindari sensitiviti keagamaan tetapi ternyata ia mendatangkan masalah kerana ketiadaan asas yang boleh membenihkan semangat kefahaman toleransi dan juga rasa hormat menghormati antara satu sama lain yang sebenarnya adalah sebahagian daripada matlamat pendidikan. Justeru itu diperkenalkan pendekatan pelbagai budaya dalam pembinaan kurikulum (*a multi-cultural approach to the curriculum*). Dalam hubungan ini Britain memperkenalkan *Education Reform Act* untuk membolehkan pelaksanaan *Religious Education*, lebih dikenali dengan RE dalam sistem pendidikan nasional mereka.

Buku ini memuatkan 5 (lima) buah makalah berdasarkan perspektif lima agama yang berlainan dan memberikan pendekatan menurut kepercayaan agama masing-masing. Dalam pendekatan Islam, isu-isu berikut diperjelaskan. Umpamanya, matlamat pendidikan disebut sebagai mempersiapkan anak didik dalam pembentukan akhlak yang selaras dengan pola nilai Islam. Peranan diberi kepada pendidikan Islam untuk mempersiapkan kehidupan dalam suasana yang dapat membentuk mereka memahami serta menguasai persekitaran mereka. Berbagai aktiviti diadakan

untuk merangsang semangat kefahaman dan rasa saling hormat menghormati antara kaum/agama, umpamanya diadakan pertandingan menulis esei mengenai pelbagai agama: Hindu, Yahudi, Kristian, Sikh dan Islam sendiri.

Tanggungjawab ibu bapa amatlah penting bagi memastikan generasi muda mereka terus berpegang kepada nilai-nilai Islam. Menyedari tentang pengaruh luar yang boleh menghakis nilai-nilai kehidupan Islam, mereka haruslah dibekalkan dengan ilmu fardu 'ain serta kefahaman mendalam tentang makna hidup (*purpose of life*). Justeru itu penekanan diberi ke atas mempelajari al-Qur'ān, al-Hadith, Sirah Nabawiyah dan juga para sahabat Nabi dan ulama salafi. Pendidikan di rumah dan di masjid dianggap lebih penting daripada pendidikan diperolehi di sekolah. Makalah ini dianggap mengalami kecacatan kerana penulis memasukkan unsur permusuhan lantaran menghuraikan konsep *darul Islam* sebagai persekitaran yang diinginkan umat Islam dalam berhadapan dengan suasana *darul harbi* yang mesti dihindari (halaman 32)

Rencana mengenai perspektif Yahudi dimulakan dengan memberi demografi kaum Yahudi dengan jumlah terkini lebih kurang 350,000 orang di Britain. Dengan jumlah itu mereka meluahkan rasa kecewa disebabkan kehilangan ahli-ahli mereka hasil daripada kurang berkesannya pendidikan agama di tengah-tengah kehidupan yang semakin materialistik. Justeru itu mereka merasakan penekanan harus diberi kepada pendidikan berasaskan kitab Taurat, Thalmud dan penghayatan 10 Rukun (*Ten Commandments, the Noohide Code*). Ditekankan juga betapa pentingnya usaha supaya dikekalkan kehidupan keagamaan seperti perayaan hari-hari suci keagamaan seperti Sabbath, Yom Kippur dan juga mengamalkan makanan kosher.

Bab berikutnya ialah pendidikan menurut perspektif Kristian. Menyedari hakikat perlunya perpaduan dan suasana saling faham, hormat menghormati sesama kelompok agama, wujud kesedaran di kalangan umat mereka menyediakan sebuah forum atau platform pendidikan yang boleh menjana integrasi nasional. Perkara yang dikenal pasti ialah menjadikan pendekatan Kristian terhadap isu-isu pendidikan. Beberapa asas dijadikan panduan, antaranya: (i) pendidikan berasaskan mempelajari dan menghayati kitab suci dalam kehidupan beragama; (ii) misi Kristian dan pendidikan Kristian, (iii) menjadikan Bible sebagai sumber rujukan (iv) menyediakan kaedah pengajaran berasaskan agama (v) penekanan kepada pembangunan diri, kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat, kerana matlamat akhir pendidikan Kristian ialah untuk merialisasikan keberadaan *Jesus Christ* benar-benar dapat ber-rekonsialisasi dengan dunia mayapada ini (*in Christ God was reconciling the world to himself*, halaman 100).

Bab yang memuatkan pendekatan Agama Tradisi Afrika (ATA) menekankan aspek kehidupan beragama yang berasaskan kepada sistem kepercayaan, adat istiadat, penyembahan, perayaan-perayaan, tempat-tempat ibadah, cerita-cerita mitos, legenda, perlambangan, musik dan tarian. Semuanya ini perlu dikekalkan dan dihayati. Adalah menjadi tugas para pendidik untuk memastikan supaya semuanya dapat dikekalkan, subur dan berkembang dalam kehidupan masyarakat mereka terutama bagi generasi muda. Beberapa perkara dianggap penting untuk dijadikan asas dalam pembentukan kurikulum: (i) konsep waktu yang menekankan kefahaman *futuristic* yang lebih menjurus kepada *continuity* dan *stability* (ii) Tuhan dan penciptaan. Semua kejadian, ciptaan Tuhan adalah untuk faedah manusia (halaman 109), (iii) Penyembahan (*prayer*)- satu-satunya jalan untuk menyatakan rasa rendah diri kepada Tuhan yang mahakuasa; dalam hubungan ini ungkapan yang selalu diucapkan ialah "keamanan", *peace*. (iv) Orang yang bertindak sebagai penghubung (*intermediaries*) termasuklah raja, ketua, pemimpin masyarakat, kelompok, agama; pasing, bomoh dan juga bomoh hujan (*rain-makers*). Mereka berkhidmat bagi kepentingan umat, sekaligus mereka boleh menghindari sebarang bentuk bencana dan malapetaka. Bagi memastikan kesinambungan dapat dikekalkan, pendidikan adalah perlu disampaikan kepada menyediakan generasi muda mereka terutama sekali dalam keadaan mereka hidup dalam suasana yang terdedah kepada penghakisan nilai-nilai tradisional. Satu perkara yang tidak kurang juga mencabarnya ialah bagaimana mewujudkan suasana kesabaran yang tulin dalam kehidupan yang serba mencabar ini.

Rencana terakhir dalam buku ini memuatkan perspektif Hindu terhadap isu pendidikan. Bermula dengan menyebut kira-kira 300 ribu rakyat beragama Hindu di Britain, mereka meluahkan rasa kebimbangan mereka jika tidak ada satu usaha gigih untuk mempertahankannya, nilai-nilai keagamaan mereka akan terhakis dan hilang lenyap di tengah-tengah kemaraan kehidupan serba boleh (*permissiveness*). Perkara yang ditekankan ialah menjelaskan konsep-konsep *dharma*, *moksha* (*mukti*), *karma*, *samsra* dan *sādhanā* atau dalam kefahaman Islam seperti Jihad.

Dalam falsafah Hindu untuk merealisasikan konsep *dharma*, semua perkara kebaikan dalam kehidupan tidak mungkin dapat dicapai di luar *dharma* kerana *dharma*lah yang menentukan kesejahteraan kehidupan manusia. Apakah jalan yang dapat menyampaikan seorang Hindu kepada jalan kesejahteraan? Ada tiga cara: (i) menerusi *karma* (perlakuan dan pekerjaan) (ii) menerusi *jnana* (ilmu), (iii) menerusi *bhakti* (peribadatan kepada Tuhan). Sehubungan dengan ini diuraikan juga tentang peranan *āyrama* atau peringkat-peringkat kehidupan dalam mencapai *moksha*, iaitu: (i) *brahmacharya*- peringkat pelajar, zaman muda, (ii) *gurhasthya*-

kehidupan berkeluarga, peranan seorang suami/isteri membangunkan keluarga dan (iii) *vanaprasthya*, zaman pertapaan- sesudah selesai peringkat berkeluarga, mengamalkan amalan mistik dan berakhir dengan kehidupan seorang *hermit* (*sannyasa*). Dihuraikan juga secara sepintas lalu tentang konsep kasta (*varna* dan *jāti*) dalam agama Hindu dan peranannya dalam pendidikan umatnya supaya taat dan berpada dengan apa yang dianugerah Tuhan kepada mereka.

Penulis mengulangi sekali lagi tentang keperluan komitmen para pendidik dalam memastikan sebuah sistem pendidikan yang dapat memenuhi fenomena kepelbagaian budaya atau silang budaya seperti yang dialami Britain hari ini dan juga beberapa buah negara lain di dunia moden dewasa ini. Harus disedari bahawa matlamat akhir yang hendak dicapai ialah mewujudkan sebuah suasana kondusif kepada keharmonian kehidupan beragama berbagai kelompok berlainan etnik di dalam sebuah negara bangsa, bukannya mempertingkat rasa faham keagamaan sempit kelompok masing-masing.

Dr. Ghazali Basri